

08/09/1997

Had ASB RM200,000 (HL)

KUALA LUMPUR, Ahad - Had maksimum pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) akan dinaikkan daripada RM100,000 ke RM200,000 tidak lama lagi.

Mengumumkan perkara itu di Perhimpunan Agung Umno petang ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, cadangan itu sudah dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjana kekuatan dana tempatan bagi meningkatkan tabungan dan mengurangkan pergantungan kepada modal asing.

"Walaupun kadar tabungan negara adalah antara yang tertinggi di dunia pada paras 39 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK), kita mesti meneruskan kempen tabungan kerana wujud jurang antara tabungan dan pelaburan.

"Kita mahu melabur dengan kekuatan dana dalam negara dan tidak terlalu bergantung kepada pelaburan dana asing. Jika kita boleh menggembleng modal, pelaburan dana asing hanya sekadar membantu dan menambah kekuatan ekonomi negara," kata Timbalan Presiden Umno ketika menggulung perbahasan sebelum perhimpunan itu ditangguhkan.

Menjelaskan langkah itu pada sidang akhbar kemudiannya, Dr Mahathir berkata, pelaksanaan tambahan pelaburan itu akan dibuat secepat mungkin.

"Kalau ia naik RM200,000 daripada RM100,000, kalau kita boleh dapat 50,000 pelabur yang boleh melabur RM200,000 kita boleh dapat dana sejumlah RM5 bilion," kata Perdana Menteri.

Skim pelaburan ASN diperkenalkan pada 1981 sebagai instrumen khas bagi membantu menggembleng dana masyarakat Bumiputera. Sehingga Julai lalu ia mempunyai 1.273 juta pemegang unit dengan jumlah pelaburan RM550 juta.

ASB pula, yang diperkenalkan pada 1990, kini mempunyai 4.688 juta pemegang unit dengan nilai pelaburan terkumpul RM28 bilion.

Dalam ucapannya, Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata ketika mula dilaksanakan kerajaan bersetuju mengenakan had pelaburan RM100,000 sebagai prinsip kesamarataan dalam pengagihan.

Konsep itu adalah ciri unik asas ekonomi Malaysia iaitu berdasarkan prinsip keadilan sosial dalam pengagihan kekayaan negara.

"Orang fikir fundamental ekonomi hanya meliputi pertumbuhan tinggi, inflasi rendah dan tabungan tinggi. Tetapi kita ada satu lagi ciri berdasarkan prinsip perjuangan Umno dari awal iaitu prinsip keadilan sosial dalam pengagihan kekayaan, bandar dan desa, antara yang miskin dan kaya," katanya.

Timbalan Perdana Menteri mengulangi penjelasan kerajaan mengenai langkah menangguhkan beberapa projek yang tidak dianggap strategik. Kerajaan tetap akan melaksanakan projek penting termasuk pembesaran Lebuhraya Persekutuan yang dianggap amat mendesak, pemodenan sistem pengangkutan kereta api dan projek penswastan yang tidak membebankan kewangan kerajaan.

Antaranya ialah Perwaja yang sudah diswastakan dan Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) yang akan dikemukakan untuk penyenaian.

Berhubung cadangan projek Lebuhraya Genting Highlands-Bikut Fraser-Cameron Highlands dan Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara, Anwar berkata, kerajaan mengkaji implikasi kos dan tidak akan disegerakan.

Mengenai projek KL Linear City, jelas beliau, syarikat swasta yang akan memajukan projek itu sendiri mencadangkan untuk menangguhkannya sehingga keadaan lebih wajar.

Beberapa langkah lain yang sedang diteliti akan diumumkan ketika beliau

melancarkan bon penanda aras pertama Khazanah Nasional Berhad, Rabu ini.
Bon itu berjumlah RM3 bilion adalah terbitan pertama Khazanah sebagai sebahagian daripada sejumlah RM30 bilion yang dijadualkan diterbitkan secara berperingkat.

(END)